



**MEMBEKAL PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PROGRAM ONBOARDING YTN PRIME  
SCHOLARSHIP TAHUN 2025 ANJURAN  
YAYASAN TENAGA NASIONAL (YTN)**

**-PERINGATAN PENTING-**

Syarikat Perundingan/Latihan/Agensi Berkelayakan dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebelum mengisinya. Syarikat Perunding/Latihan/Agensi Berkelayakan yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal di dalam dokumen ini tidak akan dipertimbangkan.

**TARIKH BUKA TENDER : 8 JULAI 2025 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TENDER : 18 JULAI 2025 (JUMAAT)**

**JAM : 12.00 TENGAHARI**

Hantar ke alamat :-

Yayasan Tenaga Nasional  
Aras 1, Bangunan BB  
Universiti Tenaga Nasional  
KM-7 Jalan IKRAM - UNITEN  
43009 Kajang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel. 03-89247500

## **SYARAT-SYARAT**

### **1. PELAWAAN**

Tawaran pelawaan ini adalah untuk syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Kementerian Kewangan Malaysia dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih sah pendaftarannya bagi membekalkan perkhidmatan perundingan / Latihan / Agensi Berkelayakan.

### **2. LATAR BELAKANG PELAWAAN**

Yayasan Tenaga Nasional (YTN) merupakan sebuah organisasi yang berperanan penting dalam menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar cemerlang melalui program tajaan pendidikan dalam dan luar negara. Sebagai badan Amanah, YTN komited dalam melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi, beretika dan bersedia untuk menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri tenaga serta negara secara keseluruhannya.

Seiring dengan komitmen ini, YTN merancang untuk melaksanakan **Program Onboarding PRIME Scholarship bagi Ambilan Tahun 2025** yang menyeluruh dan strategik, ianya bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar baharu tajaan YTN mengenai peranan mereka sebagai penerima tajaan, jangkaan prestasi, laluan kerjaya, nilai-nilai korporat TNB dan sokongan pembangunan holistik yang disediakan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Program onboarding ini diharapkan dapat menjadi platform penting dalam membentuk jati diri penerima tajaan agar lebih bersedia dari aspek akademik, sosial, emosi, dan profesional. Justeru itu, YTN membuka **tawaran tender kepada pembekal perkhidmatan perundingan/Latihan/Agenzi berkelayakan** bagi merangka, mengurus dan melaksanakan program onboarding ini secara berkesan.

Tender ini merangkumi penyediaan modul, fasilitator berpengalaman, bahan latihan, serta pelaporan pasca program. Program ini dijangka melibatkan pelajar tajaan yang akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Syarikat Perundingan/Latihan/ Agenzi berkelayakan yang berminat perlu mengemukakan "modul" sebelum Tarikh tutup permohonan iaitu pada 18 Julai 2025 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tenghari di Pejabat YTN (alamat seperti di atas) dan bagi mana-mana Syarikat Perundingan/Latihan/Agenzi berkelayakan yang memenuhi syarat dan lengkap akan di panggil untuk sesi pembentangan modul.

Pembentangan hendaklah mengikut spesifikasi yang YTN kehendaki, dan "Modul" berdasarkan *Framework PRIME* berikut sebagai rujukan:

COMPETENCIES	DESCRIPTORS
<b>PROFESSIONAL</b> Emotional Intelligence   Proactive   English Literacy	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Capability to understand &amp; managing own and other's emotion, in any situation</li> <li>• Not delaying tasks, able to anticipate crisis, getting things done, able to behave and calming down on difficult situation &amp; being rational</li> <li>• Speaking and writings good english, formal or informal, as business communication</li> </ul>
<b>RELIABLE</b> Integrity (SQ/Ethics)   Managing Conflict   Teamwork & Collaboration	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Having strong faith and beliefs, being grateful, holding up good ethics and common sense in daily life and work</li> <li>• Presenting and elaborating own ideas, appreciating other's ideas</li> <li>• Engaged with others, build trust, and working together to reach common goal</li> </ul>
<b>INNOVATIVE</b> Digital Literacy   Creative & Critical   Presenting Ideas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Find, evaluate, and compose clear information through writing and other mediums on various digital platforms</li> <li>• Identify problems, generate new ideas as solutions, able to understand why things are the way they are and understand the potential consequences of actions</li> <li>• Able to speak to groups of people with less fears and anxieties</li> </ul>
<b>MARVEL</b> Think Big   Perseverance   Culture Diversity (Respect)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Begin each day or task with a clear vision, ask to get answers &amp; purpose</li> <li>• Persistence in completing long term goal in spite of difficulties</li> <li>• Respect different ideologies and maintaining good relationships</li> </ul>
<b>EDGE</b> Financial Literacy   Public Speaking   Confidence	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Knowledgeable on managing good financial practices, before/after graduates</li> <li>• Courage to talk, communicate, giving feedbacks, sharing information</li> <li>• Trust own abilities to keep trying despite making mistakes and facing failures</li> </ul>

### 3.0 Objektif program adalah seperti berikut: -

- a) Memberi pengenalan awal kepada Program Tajaan YTN
  - Memastikan pelajar memahami syarat, tanggungjawab dan faedah di bawah tajaan YTN.
  - Menjelaskan struktur program, laluan kerjaya, dan hala tuju sebagai pelajar Tajaan YTN.
- b) Memupuk Jati Diri Sebagai Penerima Tajaan YTN
  - Menanam nilai-nilai murni seperti integriti, amanah, tanggungjawab dan kecemerlangan yang seiring dengan visi YTN dan TNB.
  - Mewujudkan rasa bangga, komitmen dan kesetiaan kepada organisasi penaja.
- c) Menyediakan Sokongan Awal untuk Penyesuaian Akademik dan Sosial
  - Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti, gaya hidup kampus dan cabaran akademik.
  - Memberi pendedahan kepada sistem pembelajaran dan sokongan yang tersedia.
- d) Membangunkan Kemahiran Insaniah (Soft Skills)
  - Meningkatkan keyakinan diri, kepimpinan, kemahiran komunikasi dan kerjasama dalam kumpulan.
  - Mempersiapkan pelajar untuk menjadi pemimpin masa depan dalam industri tenaga.
- e) Mewujudkan Rangkaian Sokongan dalam Kalangan Pelajar Tajaan
  - Menggalakkan hubungan antara pelajar baharu dan YTN.
  - Membentuk komuniti pelajar tajaan yang saling menyokong dan berkongsi maklumat.
- f) Memberi pendedahan dan maklumat kepada pelajar tentang bidang-bidang bisnes TNB dan menyemaikan Nilai-Nilai Bersama TNB di dalam diri pelajar.

### 4.0 SKOP TENDER PROGRAM ONBOARDING YTN

Penyedia perkhidmatan yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan program onboarding yang holistik, profesional dan berimpak tinggi kepada pelajar baharu tajaan YTN. Skop kerja tender ini merangkumi :-

#### **4.1 Perancangan dan Reka Bentuk Program**

- Merangka Program Onboarding selama 4 hari 3 Malam (bergantung pada kelulusan YTN).
- Menyediakan modul yang interaktif, relevan dan selaras dengan nilai serta aspirasi YTN dan TNB.

#### **4.2 Penyediaan Modul & Kandungan Latihan**

- Modul mestilah merangkumi topik seperti:
  - Pengenalan kepada YTN dan TNB
  - Etika dan jati diri sebagai penerima tajaan
  - Kecemerlangan akademik dan pengurusan masa
  - Kemahiran insaniah: komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan
  - Pengurusan tekanan dan penyesuaian diri
- Menyediakan bahan pembelajaran bercetak/digital kepada peserta dan fasilitator.

#### **4.3 Penyediaan Fasilitator dan Penceramah**

- Menyediakan fasilitator dan tenaga pengajar profesional yang berpengalaman dalam bidang latihan pelajar, pembangunan modal insan, dan motivasi.
- Mencadangkan penceramah jemputan yang berkaliber (yang terdiri dari Wakil industri, atau sesiapa yang diiktiraf dapat memberi inspirasi).

#### **4.4 Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan**

- Menyediakan laporan program, lengkap mengandungi ringkasan pelaksanaan, dapatan utama, gambar aktiviti, dan cadangan penambahbaikan.
- Video berdurasi 3 minit ke 4 minit untuk Majlis Penutupan dan akan menjadi hak milik YTN selamanya.
- Mengadakan sesi post-mortem bersama pihak YTN.

#### **4.5 Tempoh Pelaksanaan**

- Program dijangka dilaksanakan secara *one-off* atau mengikut kumpulan ambilan pelajar (batch-based).
- Pembekal perlu bersedia menguruskan program dalam tempoh masa yang dipersetujui bersama, iaitu 4 Hari 3 Malam.

### **5. KRITERIA KELAYAKAN TENDER**

- Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Kementerian Kewangan Malaysia dan jenis pendaftaran adalah yang berkaitan
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam pelaksanaan program pelajar di peringkat Universiti dan Sekolah Menengah.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 2 projek rujukan berkaitan yang terkini Tahun 2025
- Mempunyai sumber fasilitator berpengalaman dan bahan latihan tersendiri
- Tidak memegang jawatan dan terlibat secara langsung dalam mana-mana parti politik

### **6. PENILAIAN TENDER**

#### **6.1 Syarikat Perundingan/Jurulatih akan dinilai berdasarkan kriteria seperti berikut: -**

- a) Syarat-syarat mandatori seperti Sah laku Sijil/lessen, SSM/Sijil Kementerian Kewangan dan lain-lain yang berkaitan
- b) Penilaian teknikal – Memenuhi spesifikasi wajib yang dikehendaki (Modul)
- c) Penilaian komersil – Syarikat yang kukuh
- d) Penilaian metodologi/kaedah/pengajaran/objektif/impak/tazkirah – Maklumbalas Peserta (sila nyatakan Syarikat yang terkini mendapat khidmat syarikat perundingan dan % kepuasan peserta)
- e) Kepakaran, pengalaman para perunding / jurulatih.
- f) Sesi Pembentangan (*presentation*) akan dinilai oleh panel YTN.

Syarikat Perundingan yang disenarai pendek perlu membuat pembentangan dihadapan panel penilai yang dilantik. Tarikh masa dan tempat akan dimaklumkan kemudian, diingatkan semua syarikat yang tersenarai pendek perlu bersedia dengan slide pertandingan.

Pengisian program dan metodologi yang akan digunakan semasa Program ini mestilah menggunakan *framework* PRIME yang telah dinyatakan serta bersesuaian dengan Pelajar-pelajar Universiti masa kini.

Cara persembahan tertakhlik pada kreativiti tuan/puan. Masa untuk Penilaian & Pembentangan modul anggaran keseluruhan masa hanya 30-45 Minit sahaja termasuk soal jawab dengan panel penilai.

## **7. PESERTA & HARGA**

Untuk makluman, sebagai “guideline” YTN sarankan Syarikat Perundingan nyatakan kos per pax mengikut peserta yang telah ditetapkan.

Pelawaan ini untuk Program Onboarding iaitu :-

- Onboarding Prime Scholarship Pelajar UNITEN & Luar Negara seramai 166

Harga tawaran perlu nyatakan,

- Harga Perundingan Penuh per pax, dan disarankan kan harga per pax yang dikemukakan termasuk semua kos yang terlibat seperti perkhidmatan perundingan, pengangkutan, fasilitator, bahan-bahan edaran, cukai setem/SST dan yang lain-lain jika berkaitan. (*Penginapan Makan Minum di tempat program adalah dibawah tanggungan YTN*).

## **8. DOKUMEN/BORANG**

Syarikat Perundingan adalah dikehendaki mengisi segala butir-butir yang terdapat di dalam borang-borang yang telah disediakan dengan lengkap serta dokumen mestilah dihantar bersama satu **(1) salinan lengkap seperti asal**. Dokumen / borang-borang yang tidak diisi dengan lengkap dan tidak dicop dengan cop syarikat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen / borang-borang hendaklah dipotong serta ditandatangani ringkas oleh wakil dan diletakkan tarikh.

Dokumen/ borang yang telah lengkap diisi dan dimeteri hendaklah dikembalikan kepada:

**Yayasan Tenaga Nasional  
Aras 1, Bangunan BB  
Universiti Tenaga Nasional  
KM-7, Jalan IKRAM - UNITEN  
43009 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Tidak Lewat daripada 18 Julai 2025 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengahari seperti yang telah ditetapkan.

## **9. SETUJU TERIMA SEBUTHARGA**

- a. Yayasan Tenaga Nasional tidak terikat untuk menyetujui terima perunding yang paling rendah atau mana-mana sebutharga.
- b. Yayasan Tenaga Nasional akan memberi notis bertulis (Surat / Email / berhubung terus) kepada perunding yang berjaya apabila sebutharga dipersetujui @ ketika ingin melaksanakan program.
- c. Keputusan setuju terima adalah muktamad. Sebarang surat-menurut mengenai keputusan setuju terima tidak akan dilayan.

## **10. JAMINAN KE ATAS PEMBEKALAN PERKHIDMATAN**

Pihak Yayasan Tenaga Nasional akan menentukan sama ada pembekalan perkhidmatan adalah memenuhi skop kerja yang dinyatakan oleh perunding memuaskan atau sebaliknya. Jika tidak, pihak YTN berhak mengugurkan tawaran ini.

## **11. PERTANYAAN**

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi, Puan Roba'aiyah Abd Ghani di talian +60195771817 atau En. Hassim Bin Abd Rahman di talian +6017- 6069829.

Kerjasama dan minat tuan/puan untuk menyertai Pembekal Perkhidmatan Perundingan/Jurulatih ini saya dahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan, sekian terima kasih.

**"BETTER. BRIGHTER."  
"TNB MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"**



Mohamad ~~Nor~~ Azali Bin Lajin  
**Pengarah**  
**Yayasan Tenaga Nasional**

-RubyAbdGhaniYTN-

LAMPIRAN A

BORANG TAWARAN PERUNDINGAN

**Yayasan Tenaga Nasional  
Bangunan BB, Aras 1, Universiti Tenaga Nasional  
KM-7 Jalan IKRAM - UNITEN  
*43009 Kajang, Selangor Darul Ehsan***

Tuan,

**PERKARA : MEMBEKAL PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PROGRAM ONBOARDING YTN  
PRIME SCHOLARSHIP TAHUN 2025 ANJURAN  
YAYASAN TENAGA NASIONAL (YTN)**

Setelah meneliti dan memahami dokumen dan syarat-syarat, kami/saya yang menurunkan tandatangan di bawah bersetuju menawarkan "Modul" seperti berikut :-

Peringkat	Nama Program	Peserta	Ya/Tidak
Universiti	• <b>Onboarding Prime Scholarship Pelajar UNITEN/Luar Negara &amp; Universiti Awam</b>	166	

Kami/Saya akan membekal perkhidmatan Perundingan/ Jurulatih bagi program-program tersebut, dan "modul" yang dikemukakan adalah menjadi hak muthlak YTN.

Tandatangan : Tandatangan :

Nama : Nama Saksi :

Tarikh : Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :  
(Nama & Alamat)

No. H/P/Tel . &  
Faks.

**LAMPIRAN B**

**BORANG KETERANGAN SYARIKAT**

Nama Syarikat	:	<input type="text"/>
Nombor Pendaftaran Syarikat	:	<input type="text"/>
Nombor Pendaftaran Kementerian Kewangan	:	<input type="text"/>
No. Rujukan Cukai Pendapatan	:	<input type="text"/>
Tarikh Penubuhan	:	<input type="text"/>
Jenis Syarikat	:	<input type="text"/>
Alamat Syarikat	:	<input type="text"/>
No. Telefon/Faksimili	:	<input type="text"/>
No. Telefon Bimbit	:	<input type="text"/>
Nama Pegawai Untuk Dihubungi	:	<input type="text"/>
Jawatan	:	<input type="text"/>

Jumlah & Kedudukan  
Modal Syarikat :

Nama/ No Akaun & Alamat Bank :  
Yang Memberi Kemudahan Kepada  
Syarikat :

**LAMPIRAN C**

**BORANG PERAKUAN MAKLUMAT**

Saya mengaku segala keterangan diberikan seperti dalam **Borang Keterangan Syarikat** adalah benar

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat

:

Tarikh

:

**LAMPIRAN D**

**BORANG MAKLUMAT  
PENCERAMAH**

**NAMA** :

**UMUR** :

**KELULUSAN  
AKADEMIK** :

**PENGIFTIRAFAN** :

**HASIL KARYA  
(Buku/Penulisan  
/  
Artikel)** :

<b>PENGALAMAN</b>	<b>BUTIRAN PENGALAMAN</b>	<b>TEMPOH</b>

**PENGALAMAN** :  **TAHUN**

**NOTA :** Borang berasingan bagi setiap penceramah. Sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi

**LAMPIRAN E**

**BORANG MAKLUMAT  
FASILITATOR**

<b>NAMA</b>	:		<input type="text"/>				
<b>UMUR</b>	:		<input type="text"/>				
<b>KELULUSAN AKADEMIK</b>	:		<input type="text"/>				
<b>KERJAYA</b>	:		<input type="text"/>				
<b>PENGALAMAN SEBAGAI FASILITATOR</b>	:		<table border="1"><thead><tr><th><b>NAMA PROGRAM</b></th><th><b>TAHUN</b></th></tr></thead><tbody><tr><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td></tr></tbody></table>	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>TAHUN</b>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>TAHUN</b>						
<input type="text"/>	<input type="text"/>						
<b>TEMPOH PENGALAMAN</b>	:		<input type="text"/> <b>TAHUN</b>				

**NOTA :** Borang berasingan bagi setiap fasilitator . Sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi

**LAMPIRAN F**

**BORANG MAKLUMAT  
KEM KOMANDAN**

<b>NAMA</b>	:		
<b>UMUR</b>	:		
<b>KELULUSAN AKADEMIK / KELAYAKAN</b>	:		
<b>KERJAYA</b>	:		
<b>PENGALAMAN SEBAGAI KEM KOMANDAN</b>	:	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>TAHUN</b>
<b>TEMPOH PENGALAMAN</b>	:	<input type="text"/>	<b>TAHUN</b>

**NOTA : Borang berasingan bagi setiap fasilitator . Sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi**